

06 FEB 2001

Abdullah-Singapura

LAWATAN ABDULLAH BERTUJUAN TINGKATKAN HUBUNGAN

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 6 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini untuk lawatan kerja tiga hari, esok dalam suasana yang baru reda disebabkan oleh satu lagi perbalahan isu di antara Malaysia dan Singapura.

Lawatan Abdullah yang pertama sejak mengambil alih jawatan nombor dua negara pada awal 1999, adalah pada ketika ramai yang jengkel selepas Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata kehidupan Melayu di negara kepulauan itu adalah lebih baik daripada rakan mereka di Malaysia.

Perbandingan itu menimbulkan kemarahan para pemimpin politik dan pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia, ramai yang menganggap kenyataan Goh sebagai "tidak adil". Episod itu menyebabkan Kementerian Luar Malaysia memanggil Duta Singapura ke Malaysia, S.Kesavapany.

Oleh itu, lawatan Abdullah diharap akan menggerakkan semula jalinan terhadap hubungan yang seringkali sukar dikendalikan ini, dan untuk meningkatkan hubungan terutama antara para pemimpin muda di kedua-dua buah negara.

Abdullah akan membawa bersama-samanya delegasi besar membabitkan pemimpin negeri dan belia dari pelbagai kaum di Malaysia.

Bagi kebanyakan pihak pula ia juga merupakan peluang untuk mengukur secara dekat pemimpin ini, yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penggantinya.

Pengerusi Institut Hubungan Antarabangsa Singapura (SIIA) Simon Tay, seorang anggota Parlimen yang dilantik, berpendapat lawatan Abdullah merupakan lawatan penting kerana ia adalah lawatan pertama peringkat tertinggi dari seberang tambak selepas lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew ke Malaysia pada Ogos lepas.

"Ia datang pada masa, yang jelasnya, wujud masalah dan kedua-dua kerajaan jelas mencuba sedaya upaya untuk mengadakanperspektif jangka panjang dan memelihara hubungan baik. Ia tidak pernah mudah bagi Singapura dan Malaysia," katanya semasa dihubungi.

Menteri Luar Malaysia Syed Hamid Albar yang akan mengiringi Abdullah, dilaporkan berkata bahawa hubungan dua hala dengan Singapura "terlalu lama bertahan" daripada terjejas akibat perkara-perkara kecil.

Dalam satu temubual dengan Straits Times Singapura minggu ini, Syed Hamid berkata hubungan jangka panjang sudah pasti dibentuk oleh, antara lain, sejarah yang dikongsi bersama oleh kedua-dua negara, realiti hidup berjiran dan hubungan kekeluargaan antara rakyat kedua-dua negara.

Perhatian juga akan ditumpukan kepada sama ada kedua-dua buah negara boleh bergerak ke hadapan dalam satu pakej membabitkan isu-isu dua hala yang belum diselesaikan yang masih berada pada meja perundingan sejak dua tahun lepas.

Lawatan Lee ke Kuala Lumpur telah menyemarakkan keyakinan bahawa kedua-dua negara akan semakin rapat bagi menyelesaikan isu-isu yang belum diselesaikan termasuk perjanjian bekalan air yang baru untuk Singapura dan penempatan semula pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di stesen kereta api milik Malaysia di Tanjung Pagar di sini.

Abdullah dijadual menemui Goh, Menteri Kanan Lee dan Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong serta Tony Tan.

Beliau juga dijadual berucap di forum anjuran SIIA mengenai "Peralihan Demokratik di Asia Tenggara" dan menjawab soalan peserta.

Tay berkata Abdullah yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar dari

1991 hingga 1999, merupakan tokoh utama dalam banyak perkembangan di Asean termasuk penerimaan anggota baru dan bukan demokratik.

"Pada masa ini, sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri beliau dilihat sebagai pemimpin seimbang dan sederhana dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan agama," katanya.

Delegasi Abdullah juga termasuk Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang juga Ketua Pemuda Umno, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting yang juga naib presiden MCA, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting yang juga Timbalan Presiden Gerakan dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan S.Sothinathan yang juga setiausaha agung MIC.

Delegasi lain terdiri daripada Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam.

-- BERNAMA  
TCL LAT RON